

**PEMBINAAN PERADABAN UMMAH DALAM  
MENGHADAPI CABARAN: PERJUANGAN DAN  
PEMIKIRAN SAYYID QUTB**

**NOORAINI BT SULAIMAN**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN KURSUS IJAZAH  
SARJANA SASTERA (PENGAJIAN PERADABAN)**

**FAKULTI SASTERA  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510979061

## **ABSTRAK**

*Pembinaan Peradaban Ummah Dalam Menghadapi Cabaran: Perjuangan dan Pemikiran Sayyid Qutb*, membincangkan beberapa aspek pembinaan tamadun yang digagas oleh Sayyid Qutb terhadap masyarakat Mesir. Gagasan beliau memerlukan kepada kebijaksanaan berasaskan pemikiran politik Islam. Penekanan yang diberi oleh Sayyid Qutb dalam pembinaan peradaban ummah merangkumi aspek aqidah, politik dan undang-undang. Melalui gagasan aqidah Sayyid Qutb telah menjadikan konsep syahadah sebagai model dalam membangunkan ummah. Sayyid Qutb juga memberi penekanan sistem politik Islam dalam membina peradaban ummah. Gagasan politik Islam yang berkonsepkan syura menjadi asas kepada sistem politik dan pemerintahan Islam. Pembinaan peradaban ummah turut disarankan melalui gagasan undang-undang Islam iaitu syariah, manakala aspek perlombagaan Islam adalah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya kajian ini menjelaskan cabaran dan kesan yang wujud daripada pembinaan peradaban ummah melalui konsep tamadun yang dilakukan oleh Sayyid Qutb terhadap masyarakat Mesir ketika itu yang dipengaruhi oleh unsur-unsur Barat.

## **ABSTRACT**

*Muslim Civilization Facing the Challenges: The Struggle and Thought of Sayyid Qutb* discusses various aspects of civilization with special the emphasis on spiritual civilization developed by Sayyid Qutb. Based on his idea on intellectual and political foundations, Sayyid Qutb tried to inject a new life to the Egyptian society. He emphasis is on the idea of reviving the civilization of the society based on aqidah, politics and syariah. This is because at that time the Egyptian had deviated from the Islamic way of life. He reinforced the concept of aqidah as a model to revive the ummah back to the Islamic way of life. In politics, Sayyid Qutb focused on the concept of **syura** as a basis for the Islamic political system and governance. In reviving the people back to the Islamic way of life, Sayyid Qutb emphasised on the implementation shariah or divine law based on al-Quran and al-Sunnah. The thesis also discusses the challenges in implementing Sayyid Qutb ideas and the impact of Western thought on the Egyptian society.

## **SENARAI SINGKATAN**

PAS	Parti Islam SeMalaysia
PUM	Persatuan Ulama Malaysia
PKPIM	Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
S.A.W	Sallaallah alaihi salam
S.W.T	Subhanahu wata'ala

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W. yang telah menyampaikan risalah Islam.

Penghargaan ini penulis tujukan kepada penyelia tesis Prof. Madya Dr. Mohammad Redzuan b. Othman yang sedia memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyelesaikan kajian ini. Penulis amat terhutang budi dengan segala nasihat dan panduan yang berguna yang telah diberikan oleh beliau.

Di kesempatan ini juga penulis ingin merakamkan buat semua ahli keluarga terutamanya Bonda Halimah bt Saberin dan Ayahanda Sulaiman b. Yaakub yang senantiasa berdoa dan menanti kejayaan ini. Tidak dilupakan juga kepada semua ahli keluarga yang sentiasa memberi ransangan kepada penulis dalam menyiapkan tugas ini.

Kepada sahabat-sahabat seperjuangan khususnya Zainab, Zuraini, Linda yang sama-sama menempuh alam pengajian yang penuh suka duka. Juga penghargaan ini penulis tujukan kepada En. Muhabir b. Ibrahim yang banyak memberi sokongan dan semangat kepada penulis dalam menyelesaikan tugas ini. Kepada semua yang sudi membantu penulis merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih. Semoga usaha-usaha yang dicurahkan mendapat pembalasan dariNya jua.

Nooraini Sulaiman  
60, Sungai Kepar  
Simpang Empat  
34400 Semanggol  
Perak Darul Ridzuan

## **KANDUNGAN**

### **HALAMAN JUDUL**

**ABSTRAK**  
**ABSTRACT**  
**SENARAI SINGKATAN**  
**PENGHARGAAN**  
**KANDUNGAN**

Halaman  
i  
ii  
iii  
iv  
v

<b>PENDAHULUAN</b>	1
Objektif Kajian	2
Metodologi penyelidikan	3
Skop Kajian	3
Kajian Terdahulu	6
Kerangka Teori Pembentukan Tamadun	8
Definisi Peradaban	9
Rumusan	10
Nota Hujung	11

### **BAB 1 : SEJARAH HIDUP SAYYID QUTB**

1.0 Pengenalan	13
1.1 Karya Sayyid Qutb	16
1.2 Penglibatan Sayyid Qutb Dalam Ikhwan Muslimin	19
1.3 Pengalaman Sayyid Qutb di Amerika	20
Rumusan	22
Nota Hujung	24

## **BAB II : PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI AQIDAH**

<b>2.0 Pendahuluan</b>	26
2.1 Peranan aqidah	28
2.2 Pengertian aqidah	30
2.3 Cabaran Aqidah Islam	32
2.3.1 Cabaran Sekularisme	32
2.3.2 Cabaran Kapitalisme	34
2.3.3 Cabaran Liberalisme	35
2.3.3 Cabaran Komunisme	35
Rumusan	37
Nota hujung	40

## **BAB III : PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI POLITIK**

<b>3.0 Pendahuluan</b>	42
3.1 Cabaran-cabaran Politik Islam	46
3.1.1 Cabaran Liberalisme	47
3.1.2 Cabaran Kapitalisme	48
3.1.3 Cabaran Komunisme	48
Rumusan	49
Nota Hujung	50

## **BAB IV : PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI SYARIAH**

<b>4.0 Pendahuluan</b>	52
4.1 Syariat Islam dan Pembentukan Ummah	53
4.2 Al-Quran dan Sunnah Sumber Perlembagaan Islam	54
4.2.1 Al-Quran	54
4.2.2 Al-Sunnah	56
4.3 Cabaran-cabaran Perlaksanaan Undang-undang Islam	57
4.3.1 Cabaran Liberalisme	58

4.3.2 Cabaran Kapitalisme	58
4.3.3 Cabaran Komunisme	59
Rumusan	60
Nota Hujung	62
 <b>BAB V : KESAN PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN DALAM PEMBINAAN PERADABAN UMMAH</b>	
5.0 Pendahuluan	64
5.2 Kesan terhadap masyarakat	64
5.2 Kesan terhadap pemerintah	66
5.3 Sayyid Qutb dihukum mati	67
5.3 Kesannya di Malaysia	69
Rumusan	72
Nota Hujung	74
 <b>KESIMPULAN</b>	76
Senarai Rujukan	85

## PENDAHULUAN

Kecenderungan penulis mengkaji tokoh pejuang Islam Sayyid Qutb adalah untuk melihat sejauhmanakah beliau telah membawa pembaharuan dalam menangkis arus pembaratan di Mesir pada zamannya. Isu pembaratan merupakan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Mesir di mana proses pembaratan mempengaruhi kehidupan masyarakat, terutamanya di dalam bidang pendidikan dan politik negara.

Sebagai seorang ulama, pemikir dan juga tokoh gerakan Islam, beliau tampil di tengah-tengah suasana masyarakat Mesir yang menghadapi krisis dari segi aqidah. Melalui pemikirannya, Sayyid Qutb cuba untuk menangani krisis yang telah melanda umat Islam pada masa itu. Idea pemikirannya disalurkan melalui tulisannya sebagai memberi alternatif dengan menggunakan petunjuk al-Quran dan sejarah perjalanan risalah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.w sebagai pendekatan terbaik.

Sayyid Qutb telah membahagikan masyarakat pada zamannya kepada masyarakat Islam dan masyarakat jahiliyyah.<sup>1</sup> Beliau memandang bahawa masyarakat Islam merupakan masyarakat yang ideal dengan menjunjung perintah Allah S.W.T bukan sahaja dengan melakukan ibadat semata-mata malah ia meliputi segala ibadat yang mengesakan kebesaran Allah S.W.T. Ini bermakna masyarakat yang bertamadun perlu meletakkan hakimiyyah Allah S.W.T sebagai sumber teragung dalam segenap bidang kehidupan.

Aspek-aspek pembinaan ummah diperlihatkan di dalam pelbagai sudut bagi memenuhi keperluan kehidupan dari segi aqidah, politik, sosial dan perundangan.

Aspek-aspek ketamadunan yang diutarakan oleh Sayyid Qutb ini bukanlah sekadar laungan kosong semata-mata, malah ia merupakan suatu jihad di dalam memerangi kuasa kufar sebagai suatu langkah memurnikan semula aqidah masyarakat Islam Mesir umumnya dan masyarakat Islam khususnya.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk memperlihatkan pembinaan masyarakat Mesir di tengah-tengah arus pembaratan di samping melihat kesannya terhadap pembinaan masyarakat Islam pada masa itu. Masyarakat Islam cuba disatukan semula dengan mengembalikan semula aqidah mereka dan meletakkan seluruh tatacara hidup mereka di bawah syariat Islam. Kajian ini juga cuba menjelaskan keadaan masyarakat di bawah pengaruh barat di mana masyarakat dibahagikan mengikut taraf hidup mereka.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk menjelaskan pembinaan peradaban ummah melalui idea yang disalurkan oleh Sayyid Qutb antaranya, iaitu:

1. Mengemukakan pandangan Sayyid Qutb tentang pembinaan masyarakat Islam, konsep serta asas-asas pembinaannya.
2. Membuka jalan kepada para pemimpin Islam agar melaksanakan syariat yang telah digariskan oleh Islam
3. Memperlihatkan sejauhmana aspek-aspek pembinaan ummah berperanan dalam pembentukan masyarakat Islam.
4. Memperjelaskan perbezaan masyarakat jahiliyyah dan masyarakat Islam di dalam pembinaan sebuah masyarakat Islam.
5. Menjelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam sejak dahulu hingga sekarang.

6. Menyedarkan masyarakat agar berwaspada dengan pengaruh barat yang sering mempengaruhi idea dan pemikiran masyarakat.

### **Metodologi Penyelidikan**

Metodologi penyelidikan adalah langkah yang dilakukan di dalam menentukan bentuk kajian yang dibuat. Kajian ini memberikan tumpuan kepada kajian perpustakaan bagi mendapatkan sumber-sumber maklumat. Maklumat yang diperolehi dianalisis bagi disesuaikan dengan bentuk kajian.

Dalam proses pengumpulan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Maklumat diperolehi melalui rujukan terhadap buku-buku ilmiah, majalah akademik, tesis dan bahan-bahan cetak yang berunsur ilmiah. Penulis menumpukan kepada metod sejarah untuk bab pertama. Ini dapat dilihat terutamanya di dalam mendapatkan maklumat-maklumat dan latar belakang kajian seperti definisi, riwayat hidup, teori-teori, idea-idea dan pemikiran. Metod ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang bernilai sejarah. Ini bertujuan menghubungkan kejadian masa kini dengan kejadian di masa lalu sesuai dengan konsep sejarah iaitu sejarah mungkin berulang. Walau bagaimanapun kajian ini lebih bersifat analitikal bukan bersifat naratif sejarah.

### **Skop Kajian**

Kajian terhadap pembinaan peradaban ummah dalam menghadapi cabaran ini akan menumpukan secara khusus kepada perjuangan dan pemikiran Sayyid Qutb. Pembinaan peradaban ummah ini akan diuraikan secara komprehensif iaitu dilihat dari sudut pembinaan aqidah, sistem politik, sistem sosial dan sistem perundangan

Islam di samping cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh umat Islam antaranya Komunisme, Imperialisme, Liberalisme dan Sekularisme. Kajian ini akan memfokuskan kepada tempoh tahun 1906 iaitu tahun kelahiran Sayyid Qutb sehingga tahun 1966 di mana beliau meninggal dunia akibat hukuman mati di tali gantung. Kajian ini juga akan memperjelaskan idea pemikiran Sayyid Qutb melalui karya-karya penulisan beliau seperti *Ma'alim fi al-Tariq*, *Islam dan Keamanan Sejagat*, *Fi zilal al-Quran*, *Hadha al-Din* dan lainnya.

Sayyid Qutb merupakan tokoh pejuang Islam menyedari bahawa keadaan masyarakat yang dihimpit arus pembaratan semakin serius dan memerlukan langkah-langkah untuk menyelesaiannya. Pembinaan peradaban ummah merupakan satu jalan yang amat wajar bagi mendekatkan semula masyarakat Islam kepada aqidah dengan mengembalikan semula seluruh kehidupan mereka terhadap keesaan Allah S.W.T.

Dalam tempoh hayatnya Sayyid Qutb berjuang bagi menegakkan syariat Islam di atas muka bumi ini. Bermula dari tahun 1906 sehingga 1966, Sayyid Qutb banyak menghadapi cabaran dan rintangan dalam pembinaan masyarakat berdasarkan aqidah sehingga beliau akhirnya dihukum mati oleh pihak pemerintah. Apa yang diperjuangkan oleh Sayyid Qutb ialah masalah aqidah umat Islam yang dicemari dengan arus pembaratan yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin tempatan dari negara-negara barat sehingga ianya memberi kesan yang mendalam dan akhirnya beliau cuba mengetengahkan beberapa idea bagi menangkis semua unsur-unsur barat tersebut.

Pembinaan peradaban ummah diberikan keutamaan dalam usaha Sayyid Qutb menghadapi cabaran kuasa Barat. Langkah untuk menerapkan nilai-nilai keislaman

adalah diyakini boleh menjadi asas yang berkesan dalam pembentukan masyarakat yang maju dan berkembang. Nilai-nilai tersebut memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat dan dalam masa yang sama unsur-unsur jahiliyyah dapat diketepikan.

Pemikiran Sayyid Qutb akan dikaji dan dibuat penganalisaan sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan oleh beliau ini mendatangkan kejayaan dan apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha-usaha tersebut. Adakah asas pembinaan masyarakat Islam yang dinyatakan oleh Sayyid Qutb hanyalah berdasarkan teori semata-mata atau berjaya dilakukan oleh beliau. Sejauh manakah cabaran tersebut mempengaruhi proses pembinaan peradaban ummah dalam membangkitkan semula ruh Islamiyyah di kalangan masyarakat Mesir pada masa itu.

Pelbagai cabaran dalam membangunkan ummah berdasarkan Islam perlu dilalui oleh para pejuang Islam. Cabaran yang paling menghimpit ummah antaranya fahaman Kolonialisme, Komunisme, Liberalisme dan Sekularisme. Adakah cabaran-cabaran ini berjaya dihadapi oleh Sayyid Qutb dalam usaha beliau membangunkan masyarakat Mesir ketika itu. Adakah permasalahan ini dapat dihadapi dan ditangani kerana masyarakat Mesir sudah sebat dengan suasana peradaban masyarakat Barat.

Penekanan aspek aqidah diberi keutamaan oleh Sayyid Qutb dalam membangunkan masyarakat di samping menerapkan semula nilai-nilai Islam kepada masyarakat. Pemikiran ini disalurkan melalui tulisan-tulisan beliau yang menyentuh tentang persoalan masyarakat yang tersepit dengan budaya dan peradaban barat. Sejauh manakah aspek aqidah ini dapat menyelamatkan dan mengeluarkan fahaman

masyarakat Mesir ketika itu terhadap cengkaman Barat dan adakah usaha ini mendatangkan kejayaan seperti yang diinginkan oleh para pejuang Islam.

### **Kajian Terdahulu**

Menurut Ahmed Salah al-Din Moussali dalam penulisan tesis Phd nya yang bertajuk “Contemporary Islamic Political Thought: Sayyid Qutb”, sistem politik Islam merupakan salah satu daripada aspek kehidupan yang mempunyai pertalian erat dan bergantung kepada kebenaran yang disokong oleh konsep tauhid. Sayyid Qutb berpendapat atas kepada tauhid ialah kekuasaan Allah S.W.T begitu juga di dalam bidang sosial, politik dan ekonomi. Menurut Sayyid Qutb sistem yang paling penting ialah shariah, keadilan sosial dan perubahan yang merupakan asas yang membentuk kepada pemikiran politik Islam moden. Menurut pemikiran politik, beliau menjelaskan bahawa hanya Islam yang melahirkan masyarakat yang baik dan suci.<sup>2</sup>

Adnan Ayyuh Musallam pula di dalam tesis Phd nya yang bertajuk “The Formative Stages of Sayyid Qutb’s Intellectual Career and His Emergence As an Islamic Daiyah, 1906-1952” menjelaskan Sayyid Qutb berpendapat bahawa keamanan bermakna harmoni dalam alam sejagat ini, undang-undang hidup dan asal usul manusia. Manakala perperangan adalah hasil daripada pelanggaran harmoni seperti ketidakadilan, kezaliman dan rasuah. Menurutnya lagi keamanan juga melibatkan kebebasan, keadilan dan keselamatan sesama masyarakat, bagaimanapun sekiranya berlaku pencerobohan kepada keamanan, termasuk menolak kekuasaan Allah mereka hendaklah menentang. Untuk mencapai keamanan dunia Islam menggalakkan keamanan diri, keamanan keluarga dan keamanan masyarakat.<sup>3</sup>

S.Badrul Hassan dalam bukunya yang bertajuk *Bibliography Asy-Syahid Qutb Rahimahullah* menyatakan bahawa Sayyid Qutb menggambarkan sesebuah masyarakat itu adalah berkebudayaan dan bertamadun apabila kehidupan bermasyarakat didasarkan kepada kebebasan bersuara dan berpilihanraya. Tetapi masyarakat itu adalah masyarakat yang tidak bertamadun atau dalam istilah lain, iaitu masyarakat jahiliyyah, jika di dalam pembentukannya kebebasan bersuara dan membuat pilihan tidak diberi ruang.<sup>4</sup>

Teh Sofia Sidek dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk “Pemikiran Dakwah Ma’alim fi al-Tariq” menjelaskan bahawa Sayyid Qutb menjadikan aqidah sebagai teras dalam pemikiran dakwahnya. Ini diikuti dengan pembentukan masyarakat dan jamaah Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan saling bekerjasama mempertahankan masyarakat itu. Seterusnya mereka berganding bahu menegakkan daulah Islamiyyah di atas keruntuhan sistem jahiliyyah. Anggota masyarakat yang menjadikan *La Illaha Illa Allah* sebagai manhaj atau landasan kehidupan mereka inilah yang bakal memegang teraju kepimpinan dunia berdasarkan syariat yang ditetapkan oleh Allah. Dalam kajiannya juga Teh Sofia telah menghuraikan beberapa konsep dan cirri-ciri khusus sebuah masyarakat Islam. Dalam buku *Ma’alim fi al-Tariq* idea pokok yang dijelaskan ialah pembentukan masyarakat berdasarkan aqidah sebagaimana yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W iaitu generasi yang telah mencapai kemuncak kegemilangan dan dianggap sebagai model yang harus dicontohi dalam masyarakat Islam yang unggul pada zaman ini.<sup>5</sup>

Mohd Fauzi Zakaria dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk “Al-Illahiyyat Menurut Sayyid Qutb, Kajian Terhadap Konsep al-Hakimiyyah dan Pengaruhnya

Kepada Gerakan Islam di Malaysia”, menjelaskan bahawa pemikiran Sayyid Qutb banyak mempengaruhi gerakan Islam di Malaysia. Di dalam mengkaji pengaruh Sayyid Qutb terutama mengenai konsep hakimiyyah yang diutarakan pada gerakan-gerakan Islam di Malaysia, ia tidak boleh dipisahkan daripada mengkaji pemikiran Ikhwan Muslimin. Persoalan tauhid hakimiyyah yang diutarakan oleh Sayyid Qutb menjadi *force* kepada perjuangan Ikhwan Muslimin sesudah Hasan al-Banna. Apa yang ditekankan oleh Sayyid Qutb mengenai tauhid hakimiyyah merupakan pengukuhan terhadap wawasan awal al-Banna dalam cita-cita perjuangannya.<sup>6</sup>

Norhayati Mohd Damin dalam kajiannya yang bertajuk “Metod Pentafsiran Sayyid Qutb Menerusi Kitab *fi Zilal al-Quran*” menjelaskan bahawa pemikiran Sayyid Qutb melalui kitab *fi Zilal al-Quran* memberi beberapa kesan positif. Antaranya menambahkan keyakinan kepada Islam sebagaimana keyakinan pengarang kitab ini dan mendapat berkat daripada keyakinan dan perjuangannya. Kedua dapat memahami cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh gerakan Islam. Ketiga dapat membentuk pemikiran sesebuah badan gerakan Islam kerana kitab ini ditulis oleh Sayyid Qutb bukan sahaja dengan pena dan tangannya, tetapi juga dengan hatinya.<sup>7</sup>

### **Kerangka Teori Pembinaan Tamadun**

Syeikh Muhammad Abduh menggunakan teori *tamadun* merujuk kepada perkataan *Madaniyyah* seerti dengan tamadun. Perkataan *madaniyyah* mempunyai perkaitan dengan tamadun atau kebudayaan berasaskan bandar kerana ia diambil dari perkataan bahasa Arab *madinah* atau *city*. Pertalian antara perkataan latin *civitas* atau *civilization* mempunyai banyak persamaannya dengan perkaitan antara *madinah* dan *madaniyyah*.

Wujudnya perkaitan antara tamadun dan bandar-bandar ini kerana dengan wujudnya bandar-bandar ini akan berkembang luas kawasan-kawasan Bandar.<sup>8</sup>

Mengikut Malek Bin Nabi teori peradaban merujuk kepada perkataan *hadarah* mengandungi dua pengertian. Pengertian yang objektif iaitu himpunan fenomena kemajuan dalam bidang kesusasteraan, teknik, keilmuan dan undang-undang yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi dalam sesebuah masyarakat. Pengertian yang subjektif pula digambarkan sebagai suatu peringkat perkembangan kehidupan manusia yang tinggi dan berlawanan dengan kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai ideal atau bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai. Bentuk ideal kehidupan itu adalah subjektif sifatnya, bergantung kepada masa, tempat dan nilai-nilai yang dianuti.<sup>9</sup>

### Definisi Peradaban

Peradaban bermaksud tamadun yang berasal dari perkatan bahasa arab, *tamaddun* yang berakar umbi daripada perkataan *madana* yang bererti; membangunkan atau memajukan (bandar) misalnya di dalam ungkapan “Dia membangunkan bandar”. Berkelakuan seperti orang bandar atau halus budi pekerti, misalnya di dalam ungkapan: “Dia berkelakuan seperti orang bandar, atau “Dia itu halus budi pekertinya”.<sup>10</sup>

*Madana* juga datangnya perkataan *madinah* (jama'nya mudun) yang bermakna bandar. Madinah membawa erti membina, mendirikan bandar-bandar, menaikkan ke taraf beradab, menghaluskan budi pekerti, menimbulkan sifat keinsanan sejati iaitu, menjadikan manusia lebih berperikemanusiaan berlawanan dengan sifat

kebinatangannya. Perkatan tamadun bermaksud keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai tahap kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. Tamadun juga dihuraikan sebagai kebudayaan berdasarkan bandar atau kebudayaan bandar.<sup>11</sup>

### Rumusan

Masyarakat yang bertamadun merupakan masyarakat yang mempunyai bandar atau kota dan di dalamnya terbina sebuah pemerintahan dan maju berkembang. Pembinaan peradaban ummah berdasarkan nilai-nilai keislaman perlu dilakukan dalam usaha menghidupkan kembali syiar Islam bagi melahirkan masyarakat maju dan bertamadun. Pelbagai cabaran dan usaha-usaha dilakukan oleh Sayyid Qutb untuk menerapkan aqidah Islam kepada masyarakat Mesir. Pendekatan yang digunakan ialah dengan menyalurkan idea-idea pemikiran dan menjadikan sejarah kejayaan umat Islam di zaman Rasulullah S.A.W sebagai model terbaik.

Tamadun juga merupakan sesuatu konsep yang luas dan kompleks. Ia merujuk kepada pencapaian sesebuah masyarakat atau negara dalam bidang pengetahuan, pentadbiran, undang-undang, kepercayaan agama, kesenian, perbandaran, sistem tulisan, moral dan adat resam. Masyarakat bertamadun merupakan masyarakat yang maju dan berkembang dan mempunyai taraf kehidupan yang tinggi sama ada dari segi kemajuan fizikal ataupun rohani. Kemajuan material tidak bermakna sekiranya kemajuan rohani tidak seiring dengannya. Pembinaan masyarakat yang didasari dengan aqidah yang benar akan melahirkan masyarakat yang beriman dan mengabdikan diri kepada Penciptanya.

## **Nota Hujung**

1. Sayyid Qutb ,*Petunjuk Sepanjang Jalan*, (Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd, 1994), hlm. 3.
2. Ahmad Salah al-Din Moussali, Contemporary Islamic Political Thought: Sayyid Qutb, Phd Thesis, Faculty of Graduate School, University of Maryland, 1985, hlm. 95.
3. Mussalam Adnan Ayyuh, The Formative Stages of Sayyid Qutb's Intellectual Career and His Emergence As An Islamic Daiyah, Phd Thesis, The University of Michigan, 1983, hlm. 217.
4. Badrul Hasan S, *Biografi Asy-Sayyid Sayyid Qutb*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1995), hlm. 39.
5. Teh Sofia Sidek, Pemikiran Dakwah Sayyid Qutb Dalam Ma'lim fi al-Tariq, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1998, hlm.73.
6. Mohd Fauzi Zakaria, Al-Ilahiyyat Menurut Sayyid Qutb, Kajian Terhadap Konsep Hakimiyyah dan Pengaruhnya Kepada Gerakan Islam di Malaysia, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 1991, hlm.306-307.
7. Norhayati Mohd Damin, Metod Pentafsiran Sayyid Qutb Menerusi Kitab fi Zilal al-Quran: Suatu Kajian Tentang Kesannya Terhadap ABIM, PAS dan PUM, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1992, hlm .78-79.
8. Azam Hamzah dan Zulekha Yusoff, *Tamadun Islam: Konsep dan Pencapaiannya*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1990), hlm .17-18.
9. Ibid., hlm.18.

10. Amir A.Rahman, *Pengantar Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 3.
11. Azam Hamzah dan Zuleikha Yusoff, *Tamadun Islam*, hlm. 18-19.